

Bank Negara lantik 10 ahli Majlis Penasihat Syariah

Bank Negara Malaysia (BNM) melantik 10 ahli Majlis Penasihat Syariah (MPS) bagi tempoh tiga tahun, berkuat kuasa 1 November 2016 selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.

BNM menerusi kenyataan di Kuala Lumpur semalam berkata, ia menurut peruntukan Seksyen (53), Akta Bank Negara Malaysia 2009.

Ahli MPS yang dilantik bagi tempoh baharu 2016-2019 terdiri daripada Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman (Penasihat Perundangan Syariah, Jabatan Peguam Negara); Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri (Mufti Wilayah Persekutuan); Datuk Dr Mohd Daud Bakar (Pengerusi Eksekutif, Amanie Advisors); Datuk A Aziz A Rahim (bekas Hakim Mahkamah Rayuan) dan Prof Dr Mohamad Akram Laldin (Pengarah Eksekutif, Akademi Penyelidikan Syariah Anta-

rabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA).

Yang turut dilantik Prof Dr Engku Rabiah Adawiah Engku Ali (Profesor Institut Kewangan dan Perbankan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM); Prof Dr Ashraf Md Hashim (Ketua Pegawai Eksekutif ISRA Consultancy); Prof Madya Dr Asmadi Mohamed Naim (Profesor Madya, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia (UUM); Dr Shamsiah Mohamad (Penyelidik Kanan ISRA) serta Burhanuddin Lukman (Penyelidik ISRA).

Individu berkelayakan

Bank Negara berkata, ahli MPS yang dilantik adalah individu yang berkelayakan, cekap dan terkemuka dalam kalangan ulama syariah dan ahli undang-undang.

“Mereka berpengalaman luas

dalam bidang kewangan, perbankan, undang-undang, dan aplikasi syariah, khususnya dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam.

“Sebagai badan berautoriti tertinggi dalam penentuan hukum syarak bagi kewangan Islam, MPS memainkan peranan penting untuk memastikan ketekalan resolusi syariah yang diaplikasikan dalam industri kewangan Islam,” katanya.

Resolusi Syariah MPS adalah sumber rujukan utama bagi institusi kewangan Islam dalam memastikan pematuhan syariah dalam penstrukturan dan pelaksanaan produk dan perkhidmatan kewangan Islam serta menggalakkan inovasi produk.

Selain itu, MPS juga adalah badan rujukan bagi mahkamah dan penimbang tara dalam mengendalikan dan membuat keputusan bagi kes yang berkaitan dengan kewangan Islam.